

Permohonan lesen bauksit disaring rapi - MB

BH ONLINE | Isnin, 9 September 2019 | 4:51pm



MENTERI Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar bersama Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (dua dari kiri) bertukar dokumen selepas Majlis Perjumpaan Memuktamadkan Prosedur Operasi Standard Dokumen (SOP) aktiviti perlombongan dan pengeksporan bauksit Pahang, di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur. NSTP/Syarafiq Abd Samad.

LIPIS: Proses saringan yang teliti terhadap permohonan lesen melombong bauksit akan dilakukan bagi mengelak insiden pencemaran daripada berulang.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata saringan itu penting bagi memastikan mereka yang diberi lesen operasi perlombongan dan pengeksporan bauksit memenuhi kriteria prosedur operasi standard (SOP) yang baru ditetapkan.

“Kita bersetuju mengguna pakai SOP yang ditetapkan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan untuk pastikan ia berkesan, lesen operasi perlombongan bauksit tidak boleh diberikan dengan mudah.

“Tapisan teliti akan dilakukan sebelum aktiviti perlombongan boleh dimulakan dalam masa terdekat selepas kerajaan negeri selesai dengan permohonan lesen,” katanya kepada BERNAMA selepas melancarkan Projek Perumahan Makmur Tanjung Gahai di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Pahang, Abd Rahim Muda, dan Pengarah Urusan Nilaitek (M) Sdn Bhd, Jay Teh Tze Jin, mewakili pemaju yang akan membangunkan perumahan itu.

Wan Rosdy memberi jaminan tindakan tegas termasuk menarik semula lesen akan dikenakan terhadap mereka yang gagal mematuhi SOP itu pada pemantauan bersama kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan.

Mengulas mengenai perumahan Makmur, Wan Rosdy berkata setakat 31 Ogos lalu, kerajaan negeri meluluskan 21 tapak projek membabitkan 7,088 unit rumah Makmur antaranya di Kuantan, Temerloh, Bera, Maran dan Rompin.